

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL**  
**KARIM [ BATANG LUPAR ]**  
**TARIKH : 15 OKTOBER 2018 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 2**

**Dato' Sri Hajah Rohani Binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berdasarkan trend kes-kes tekanan jiwa/mental yang semakin meningkat pada masa kini, apakah peranan dan tindakan serta program-program yang dilaksanakan oleh Lembaga Kaunselor di dalam menghadapi perkara ini.

**JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL, TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Peranan kaunselor dan perkhidmatan kaunseling kini dilihat sebagai keperluan yang penting, terutamanya dalam situasi masyarakat yang semakin berhadapan dengan pelbagai tekanan kehidupan. Lembaga Kaunselor merupakan pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Kaunselor 1998 [Akta 580] bagi menguatkuasakan Akta ini. Lembaga Kaunselor berperanan memastikan perkhidmatan kaunseling profesional dilaksanakan berdasarkan standard yang telah ditetapkan dan latihan kepada kaunselor di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sama ada awam atau swasta adalah mengikut piawaian oleh Lembaga Kaunselor.

Lembaga Kaunselor telah mengambil pendekatan proaktif dengan menguatkuasakan fungsinya sebagaimana diperuntukkan dalam Akta dengan mengadakan program kepada kaunselor berdaftar bagi mempertingkatkan kompetensi kaunselor dalam menghadapi kes-kes sebegini. Sepanjang tahun 2018, Lembaga Kaunselor telah menganjurkan lima (5) bengkel berbentuk teori dan amali untuk mempertingkatkan kemahiran kaunselor dan menganjurkan dua (2) seminar tentang kesedaran masalah kesihatan mental di peringkat kebangsaan iaitu di Sabah dan Putrajaya pada September dan Oktober 2018. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama rakan strategik antaranya IPT Awam, Jabatan Pendidikan Negeri dan NGO.

Bulan ini pula merupakan Bulan Kaunseling Kebangsaan Tahun 2018 bertemakan "Perkhidmatan Kaunseling Profesional Pemangkin Kesejahteraan Masyarakat" sebagai hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kewujudan kaunselor dan kepentingan perkhidmatan kaunseling profesional kepada masyarakat.

Pada 1 Oktober 2018 juga, saya telah melancarkan 'Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan' yang telah

## **SOALAN NO. 2**

dibangunkan oleh Lembaga Kaunselor. Garis panduan ini boleh dijadikan rujukan untuk mengendalikan isu dalam keluarga seperti penderaan, keganasan rumah tangga, penceraian, pengabaian dan sebagainya.